

## **ANALISIS PERUBAHAN NORMA BAHARU AKTIVITI HARIAN BERASASKAN PENGGUNAAN ICT DALAM KALANGAN MASYARAKAT DI SABAH, MALAYSIA SEBELUM DAN SELEPAS PKP**

AN ANALYSIS OF NEW NORM CHANGES IN DAILY ACTIVITIES BASED ON THE  
USE OF ICT WITHIN THE COMMUNITY OF SABAH, MALAYSIA BEFORE AND  
AFTER THE MCO

ROMZI ATIONG<sup>1\*</sup>, ROSLI SAREYA<sup>2</sup>, TONY PARIDI BAGANG<sup>3</sup>, ASSIS KAMU<sup>4</sup>, NATALIE  
ANN GREGORY<sup>5</sup>, BERNADATTE TOBI<sup>6</sup> & BUDI ANTO MOHD TAMRING<sup>7</sup>

<sup>1,5,6 & 7</sup>Pusat Penataran Ilmu & Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu, Sabah

<sup>2</sup>Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF) Universiti Malaysia Sabah Kota Kinabalu, Sabah

<sup>3</sup>Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi Universiti Teknologi Mara Cawangan Sabah Kampus  
Kota Kinabalu, Sabah

<sup>4</sup>Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kota Kinabalu, Sabah

mrationg@ums.edu.my

### *ABSTRAK*

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan penularan pandemik COVID-19 memainkan kesan yang signifikan terhadap norma harian masyarakat seluruh dunia. Kesan seumpamanya dapat dikesan dalam konteks penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology, ICT) masyarakat di negeri Sabah, Malaysia, khususnya dalam aspek pengurusan kewangan dan ekonomi. Namun demikian, tidak dapat dipastikan sejauh manakah perbezaan norma baharu aktiviti harian berasaskan penggunaan ICT dalam konteks pengurusan kewangan dan ekonomi dalam kalangan masyarakat tersebut sebelum dan semasa PKP tersebut. Bagi menjelaskan hal ini maka kajian yang mengaplikasi pendekatan kuantitatif dengan penggunaan borang soal selidik yang dijawab oleh sejumlah 1228 responden telah dijalankan. Objektif utama kajian ini ialah bagi menjelaskan perbezaan atau perubahan norma baharu penggunaan ICT dalam aktiviti harian masyarakat di Sabah, Malaysia yang meliputi aspek pengurusan kewangan dan ekonomi sebelum dan semasa PKP. Secara umum kajian ini mendapati bahawa perubahan signifikan telah berlaku ke-atas norma kehidupan masyarakat di Sabah berdasarkan aspek yang dikaji sebelum dan semasa PKP berlangsung. Ini menunjukkan pelaksanaan PKP telah mendatangkan kesan yang ketara dalam kehidupan masyarakat di Sabah, Malaysia.

*Kata Kunci:* Norma Baharu; Sabah; PKP

### *ABSTRACT*

The implementation of the Movement Control Order (MCO) following the outbreak of the COVID-19 pandemic played a significant impact in the daily norms of societies around the globe. Such an effect can be detected in the context of the use of Information and Communication Technology (ICT) among the people in the state of Sabah, Malaysia, especially in the aspects of financial and economic management. However, it cannot be ascertained to what extent the differences in the new norms of daily activities related the use of ICT in the context of financial and economic management among the community before and during the PKP. To

explain such a question, a study that applies a quantitative approach with the use of questionnaires which were answered by a total of 1228 respondents was conducted. The main objective of this study is to explain the differences or changes in the new norms of the use of ICT in the daily activities of the people in Sabah, Malaysia that covers both financial and economic management before and during MCO. In general, this study found that there is a significant change occurring in the norms relating to the use of ICT among the people of Sabah.

*Keywords:* New Norm; Sabah; MCO

## **1. Pengenalan**

Penghujung tahun 2019 telah menyaksikan munculnya wabak berkaitan virus Covid-19, di mana wabak itu merebak luas secara berterusan sehingga suatu tempoh yang tidak dapat ditentukan. Berdasarkan laporan yang dibuat secara meluas oleh pelbagai pihak adalah didapati bahawa virus yang boleh membawa maut ini mula dikesan di Wuhan, China menjelang akhir 2019 (Zhu, Wei & Niu, 2020; McLeod, 16 Mac 2020). Pihak media sama ada media cetak mahupun media sosial malah melaporkan bahawa virus ini dengan pantas merebak ke seluruh China dan kemudiannya membawa kepada tindak balas panik dan segera oleh kerajaan China melalui pelaksanaan dasar dan pembinaan infrastruktur perubatan. Dasar itu, terutamanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang melibatkan 'penutupan beberapa bandar utama dan sempadan negara', seterusnya menjadikan jadual kerja dan aktiviti harian penduduk yang sentiasa sibuk digantikan dengan aktiviti berkurung atau tinggal di dalam rumah dalam sekelip mata. Malahan, sejak itu konsep 'duduk di rumah', 'kekal selamat dan sihat', 'jarak sosial' dan 'Standard Operating Procedures (SOP)' telah menjadi frasa yang biasa didengari atau sering diperkatakan oleh penduduk di seluruh dunia. Berikutan pelaksanaan PKP di seluruh dunia maka frasa-frasa ini saban hari terpampang di media cetak dan media sosial dengan tujuan untuk mengingatkan semua pihak tentang sifat virus Covid-19 yang boleh menyebabkan kematian. Menjelang awal 2020, Covid-19 telah menjangkiti jutaan orang di seluruh dunia (Pak, Adegbeye, Adekunle, Rahman, McBryde & Eisen, 2020; McLeod & Dulsky, 12 March 2021; Day, 2020; Armstrong & Lucas, 2020). Ini termasuklah bukan sahaja di negara-negara membangun tetapi juga di negara maju dan berpendapatan tinggi seperti Rusia, Itali, Australia dan Amerika Syarikat.

Selaras dengan sifat virus yang mengancam kehidupan manusia ini maka para penyelidik perubatan telah bertungkus lumus menghasilkan vaksin untuk membendung serta memerangi virus ini secara besar-besaran. Akibatnya, vaksin berkaitan Covid-19 seperti Pfizer, AstraZeneca, Sinovac dan mRNA dihasilkan untuk manfaat masyarakat global. Di sesetengah negara, program vaksinasi telah dilaksanakan secara meluas. Namun begitu, sekalipun vaksinasi telah berjaya dilaksanakan para saintis mengesyorkan supaya kaedah seperti penjarakan sosial, mencuci tangan sentiasa, mengelakkan berjabat tangan, etika batuk dan bersin, dan memakai topeng muka untuk mencegah penyebaran virus diteruskan. Ini menjadikan kehidupan rakyat seolah-olah tidak lagi normal sebagaimana sebelum virus ini muncul. Justeru, ramai pihak yang menyifatkan keadaan tersebut sebagai normal baharu. Namun, kesukaran telah berlaku berikutan tindakan kerajaan melaksanakan beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk memutuskan rantai virus Covid-19 ini. Apabila dasar ini berkuat kuasa, ia akhirnya telah mendatangkan kesan signifikan kepada pelbagai aspek dalam kehidupan manusia. Sebagaimana dalam konteks pendidikan yang mana pelaksanaan PKP telah menjejaskan kira-kira 1.6 bilion pelajar di lebih 200 negara, polisi ini juga telah

menyebabkan kehidupan manusia dalam konteks lain turut terjejas. Ini termasuklah aspek norma dalam penggunaan ICT bagi pengurusan kewangan dan ekonomi (Bonell, Michie, Reicher, West, Bear, Yardley, Curtis, Amlot & Rubin, 2020).

Kajian tentang aspek norma dalam penggunaan ICT bagi pengurusan kewangan dan ekonomi telah dijalankan oleh para sarjana. Antaranya ialah kajian oleh Kim dan Mason (2020), Chang, McAleer and Wong (2020), Seiwald dan Polzer (2020), serta Uwah, Udoayang dan Uklala (2021). Secara umumnya, kajian-kajian ini mendapati wujudnya hubungkait signifikan di antara Covid-19 dengan pengurusan kewangan dan ekonomi. Mereka turut mengakui bahawa Covid-19 menyebabkan kebergantungan manusia terhadap ICT dalam aspek tersebut semakin meningkat. Di sebalik dapatan seumpama ini, berdasarkan penelitian terhadap penerbitan semasa, adalah didapati bahawa kajian khusus tentang perubahan norma baharu aktiviti harian berasaskan penggunaan ICT dalam kalangan masyarakat di Sabah, Malaysia sebelum dan selepas PKP akibat Covid-19 masih amat terhad. Oleh yang demikian, adalah wajar sekiranya kajian tentang hal ini dilakukan. Hal ini lah yang cuba difahami dan dijelaskan dalam kertas kerja ini.

## **2. Pernyataan Masalah**

Sebagaimana yang dilaporkan oleh ITU (2020), Covid-19 telah membawa kepada perubahan setiap sudut kehidupan harian manusia apabila PKP dilaksanakan. Dalam era teknologi maklumat ini yang mana rangkaian global, struktur sosial dan susunan organisasi sebahagian besarnya terdiri daripada rangkaian maklumat yang diterajui oleh teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) atau Information and Communication Technology (ICT)) (Castells, 2000), perubahan tersebut dilihat sebagai semakin signifikan. ICT yang ditakrifkan secara meluas sebagai hal yang merangkumi internet, platform maya, rangkaian maya, telefon, aplikasi maya dan pangkalan data, serta infrastruktur asas, merupakan faktor penting dalam aktiviti sosial sedia ada, terutamanya semasa pandemik global Covid-19. Malahan ketika PKP, kepentingan ICT melangkaui aspek aktiviti berkaitan mengenalpasti, mengesan, memahami, mengurus, merawat dan mengkaji wabak (Wilson & Jumbert, 2018), kerana ianya dianggap sebagai peluang terbaik kita untuk mengekalkan ketenteraman sosial semasa pandemik.

Menggunakan ICT semasa pelaksanaan PKP disebabkan Covid-19 menggambarkan kedua-dua batasan dan peluang penggunaan ICT yang menjurus kepada perubahan norma kehidupan manusia. Pada sisi negatifnya, krisis kesihatan global ini dilihat sebagai krisis maklumat (Xie, He, Mercer, Wang, Wu, Fleischmann & Lee, 2020). Ini kerana, ketika PKP terdapat maklumat yang tidak mencukupi untuk semua pihak gunakan sebagai asas membuat keputusan, maklumat yang tidak boleh dipercayai, maklumat yang tidak boleh diakses untuk memenuhi keperluan maklumat harian orang ramai, dan penyebaran maklumat salah, maklumat salah dan berita palsu. Dalam masa yang sama juga, ICT telah membolehkan tindak balas yang lebih pantas oleh pelbagai pihak dengan menyokong penyertaan berskala besar dan kerjasama besar-besaran merentasi sempadan negeri dan negara. Ini termasuklah dalam aspek yang melibatkan entiti baharu dalam rangkaian kerjasama kemanusiaan sedia ada seperti kesukarelawanan dan komuniti teknikal yang membantu semasa pandemik, memudahkan bentuk baharu aktiviti bantuan kemanusiaan disebabkan pandemic, serta membolehkan penglibatan sivik yang pelbagai. Ini menjelaskan hakikat bahawa ICT adalah lebih daripada alat untuk mencapai matlamat informasi sosial sahaja. Malahan ianya turut membantu mempertingkatkan 'survival' manusia ketika suatu musibah berlaku.

Menyedari hakikat ini penggunaan ICT sebagai platform intervensi sebarang usaha menangani krisis Covid-19 adalah berleluasa dalam kalangan agensi kerajaan, golongan peniaga, mahupun masyarakat sivil. Dalam hal tersebut, penggunaan ICT dikaitkan dengan cara mereka terlibat dalam pelbagai aktiviti bersifat tindak balas terhadap pandemik. Antara aktiviti yang dimaksudkan ialah usaha membangunkan perkhidmatan dalam talian serta membantu menjayakan inisiatif pendigitalan aktiviti berkaitan kewangan dan ekonomi yang dirangka oleh pihak kerajaan melalui penggunaan harian. Hal ini menyumbang kepada apa yang ditegaskan oleh ITU (2020) dan Bonell, Michie, Reicher, West, Bear, Yardley, Curtis, Amlot dan Rubin (2020) sebagai perubahan kepada norma baharu dalam aktiviti harian masyarakat global dalam konteks pengurusan kewangan dan ekonomi yang bergantung kepada ICT. Perubahan yang dimaksudkan masih kurang difahami dan ini menjadi asas kepada usaha untuk mengkaji atau memahami secara ilmiah tentang perubahan yang dimaksudkan berfokuskan kepada masyarakat tempatan di Sabah, Malaysia. Oleh yang demikian, objektif utama kajian yang mendasari penulisan kertas kerja ini ialah bagi memahami perbezaan atau perubahan norma baharu dalam aktiviti harian masyarakat di Sabah dalam konteks pengurusan kewangan dan ekonomi yang bergantung kepada ICT sebelum dan semasa PKP. Bagi maksud tersebut, kertas kerja ini membincangkan dua perkara asas bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu kekerapan penggunaan ICT sebelum dan semasa PKP dalam kalangan masyarakat di Sabah serta analisis perubahan kekerapan penggunaan ICT sebelum dan selepas PKP dalam kalangan penduduk Sabah.

### **3. Metodologi**

Sebagaimana yang dinyatakan, kertas kerja ini bertujuan menjelaskan perbezaan atau perubahan norma baharu dalam aktiviti harian masyarakat di Sabah dalam konteks pengurusan kewangan dan ekonomi yang bergantung kepada ICT sebelum dan semasa PKP. Bagi mendapatkan maklumat berkaitan hal ini maka kajian yang mendasari kertas kerja ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan aplikasi reka bentuk 'cross sectional' dalam proses mendapatkan maklumat kajian menggunakan satu borang soal selidik yang dibentuk oleh kumpulan penyelidik. Dalam hal ini, pemilihan kaedah kuantitatif adalah selaras dengan tujuan utama aktiviti penyelidikan iaitu bagi membenarkan pengkaji menentukan kaedah yang sesuai untuk menjalankan penyelidikan serta menentukan pembolehubah dan cara bagaimana pembolehubah itu ditakrifkan (Jackson, 2002; Burns, 2000; Syed Arabi Idid, 1998; Kerlinger, 1973). Sehubungan itu, pengkaji mentakrifkan kaedah kuantitatif ini selaras dengan kenyataan Abdullah Ibrahim (2001) bahawa kaedah kuantitatif memerlukan data yang bernombor yang mana dapatan daripada analisis statistik selalunya dibuat inferen yakni digeneralisasikan pada populasi. Kaedah ini adakalanya berdepan dengan kesulitan untuk membuat huraian yang lebih meluas kerana kekurangan data. Justeru itu, ianya memerlukan sampel yang lebih besar untuk dapatan yang lebih bermakna. Hal ini membawa kepada penentuan jumlah responden kajian seramai 1228 orang. Kesemua responden ini dipilih menggunakan kaedah 'purposive sampling'. Kaedah ini juga dipanggil persampelan berasaskan pertimbangan atau persampelan terpilih atau subjektif di mana penyelidik bergantung kepada pertimbangannya sendiri apabila memilih ahli populasi untuk mengambil bahagian dalam suatu kajian. Jenis persampelan ini merupakan kaedah atau teknik persampelan bukan kebarangkalian dan ia berlaku apabila elemen yang dipilih untuk sampel dipilih mengikut pertimbangan penyelidik. Ini kerana sampel

sedemikian mampu mewakili populasi melalui pertimbangan yang wajar (Black, 2010). Tambahan pula pemilihan teknik persampelan seumpama ini menyumbang kepada usaha penjimatan masa dan wang bagi proses menyiapkan kajian. Di samping itu, penggunaan teknik seumpama ini juga mampu mengurangkan isu bias apabila jawapan yang diperolehi adalah semata-mata berdasarkan soalan atau pernyataan yang dikemukakan dalam borang soal selidik yang telah diuji tahap kebolehpercayaan dan kesahannya terlebih dahulu sebelum digunakan dalam kajian sebenar sejajar dengan saranan Olteanu, Castillo, Diaz dan Kiciman (11 Julai 2019), Rahm dan Do (2000), serta Rahman, Ationg dan Zulhaimi (2017). Dalam pada itu, kajian ini menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Sciences) bagi tujuan menganalisis segala maklumat yang diberikan oleh responden melalui penggunaan borang soal selidik. Antara jenis analisis yang digunakan ialah analisis deskriptif serta analisis atau ujian *Wilcoxon signed-ranks*.

Antara soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik yang digunakan adalah seperti berikut: 1) Saya menggunakan wang tunai untuk urusan jual beli; 2) Saya menggunakan kad debit/ kredit untuk urusan jual beli, 3) Saya menggunakan perbankan internet atau atas talian untuk urusan jual beli, 4) Saya menggunakan E-wallet (seperti Boost, Touch n Go, GrabPay dan sebagainya) untuk urusan jual beli, 5) Saya menggunakan wang tunai dan akan ke pejabat berkaitan untuk membayar bil elektrik, bil air, bil telefon, rumah, kereta, dan lain-lain, 6) Saya menggunakan mesin ATM untuk membuat bayaran bil elektrik, bil air, bil telefon, rumah, kereta, dan lain-lain, 7) Saya menggunakan pembayaran perbankan atas talian untuk membuat bayaran bil elektrik, bil air, bil telefon, rumah, kereta dan lain-lain, 8) Saya menggunakan E-wallet (seperti Boost, Touch n Go, GrabPay dan sebagainya) untuk pembayaran bil, 9) Saya mengirihkan wang kepada keluarga saya menggunakan perbankan atas talian, 10) Saya memberikan wang kepada keluarga saya secara by hand atau besemuka atau mengirihkan melalui kenalan, 11) Saya memesan menggunakan grab/food panda/ atau tempah secara atas talian berbanding ke kedai untuk membeli barang atau makanan, 12) Saya menggunakan telefon atau komputer untuk urusan kerja dan berhubung dengan majikan atau rakan sekerja atau pelanggan saya, 13) Saya berbincang tentang kerja /perniagaan secara bersemuka, 14) Saya berbincang tentang kerja/ perniagaan menggunakan telefon atau berhubung secara atas talian, 15) Mendapatkan maklumat tentang barangan atau perkhidmatan melalui internet, 16) Membaca atau memuat turun akhbar atau majalah online, buku elektronik, 17) Menggunakan rangkaian sosial (Cth: Facebook, Whatsapp, Instagram, Twitter dll), 18) Menghantar atau menerima e-mel, 19) Membuat panggilan telefon melalui Internet, 20) Mengakses sistem pengkomputeran pejabat untuk tujuan membuat kerja pejabat dari rumah, 21) Mengemukakan pendapat atau mengundi berkenaan isu-isu politik atau sivik (Cth: blog, media sosial, laman web), 22) Melaksanakan tugas yang boleh menjana pendapatan secara atas talian, 23) Menggunakan ruang simpanan di Internet untuk menyimpan dokumen, gambar, muzik, video atau fail lain (Cth: Google Drive, Dropbox, Window SkyDrive, iCloud, Amazon Cloud Drive), 24) Menjalani kursus/ latihan atas talian, 25) Membeli atau membuat pesanan barang atau perkhidmatan melalui e-Dagang (seperti Lazada, Shopee, Mudah.my dan sebagainya), 26) Menjual barangan atau perkhidmatan melalui e-Dagang e-Dagang (seperti Lazada, Shopee, Mudah.my dan sebagainya), 27) Membeli atau membuat pesanan barang atau perkhidmatan melalui rangkaian sosial (seperti Whatsapp, Facebook, Telegram dan sebagainya), dan 28) Menjual barangan atau perkhidmatan melalui rangkaian sosial (seperti Whatsapp, Facebook, Telegram dan sebagainya).

#### 4. Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis data yang diperolehi menggunakan borang soal selidik yang dibentuk menggunakan perisian SPSS maka dapatan kajian dapat dibentangkan dalam bahagian ini. Pembentangan dapatan kajian dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu latar belakang responden, kekerapan penggunaan ICT sebelum dan semasa PKP, serta kekerapan penggunaan ICT sebelum dan semasa ICT.

##### 4.1 Latar Belakang Responden

Maklumat asas keseluruhan latar belakang responden yang telah terlibat dalam proses menyiapkan kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan dalam Jadual 1, adalah didapati bahawa seramai 426 orang (34.6%) daripada responden berada atau bermastautin di daerah Kota Kinabalu, 402 orang (32.7%) berada di daerah Sandakan dan 402 orang (32.7%) berada di daerah Tawau. Manakala bagi faktor strata pula, adalah didapati bahawa sejumlah 908 orang (73.8%) daripada keseluruhan responden adalah berada di kawasan bandar dan hanya sejumlah 322 orang (26.2%) berada di luar bandar. Seterusnya dari segi faktor jantina terdapat seramai 482 orang (39.2%) responden adalah lelaki dan majoriti responden iaitu seramai 748 orang (60.8%) adalah perempuan.

Jadual 1: Maklumat Responden

	Maklumat Asas	N	%
Daerah	Kota Kinabalu	426	34.6%
	Sandakan	402	32.7%
	Tawau	402	32.7%
Strata	Bandar	908	73.8%
	Luar bandar	322	26.2%
Jantina	Lelaki	482	39.2%
	Perempuan	748	60.8%
Kategori umur	20 tahun dan ke bawah	125	10.2%
	21-30 tahun	587	47.7%
	31-40 tahun	208	16.9%
	41-50 tahun	210	17.1%
Status perkahwinan	Lebih 50 tahun	100	8.1%
	Bujang	684	55.6%
	Berkahwin	546	44.4%
	Sekolah rendah dan ke bawah	52	4.2%
Tahap pendidikan	LCE/ SRP/ PMR/ PT3	51	4.1%
	MCE/ SPM/ SPMV	355	28.9%
	Sijil/ Matrikulasi	63	5.1%
	HSC/ STPM/ Diploma	348	28.3%
Kategori pekerjaan	Sarjana muda dan ke atas	361	29.3%
	Pekerja kerajaan	295	24.0%
	Pekerja swasta	505	41.1%
	Bekerja sendiri/ berniaga	193	15.7%
Kategori pendapatan	Pelajar	153	12.4%
	Lain-lain	84	6.8%
	RM1000 dan ke bawah	223	18.1%
	RM1001-RM2000	427	34.7%
	RM2001-RM3000	157	12.8%
	Lebih RM3000	239	19.4%
	Tiada pendapatan	184	15.0%

Dari segi pecahan jumlah responden berdasarkan faktor umur pula, adalah didapati bahawa majoriti responden iaitu seramai 587 orang (47.7%) adalah mereka yang berumur di antara 21 hingga 30 tahun. Manakala selebihnya iaitu seramai 125 orang (10.2%) berumur 20 tahun dan ke-bawah, 208 orang (16.9%) berumur di antara 31 hingga 40 tahun, 210 orang (17.1%) berumur di antara 41 hingga 50 tahun, dan 100 orang (8.1%) berumur 50 tahun dan ke-atas. Sementara itu bagi faktor status perkahwinan, seramai 684 orang (55.6%) responden masih berstatus bujang dan seramai 546 orang (44.4%) telah berumah tangga. Ini bermakna bilangan responden berdasarkan faktor status perkahwinan ini masih boleh dianggap sebagai agak seimbang secara tidak ketara. Hal ini berbeza dengan bilangan responden berdasarkan faktor tahap pendidikan apabila mereka yang memiliki tahap pendidikan sehingga ke peringkat sarjana muda dan ke atas berjumlah 361 orang (29.3%), 355 orang (28.9%) mempunyai tahap pendidikan sehingga MCE/SPM/SPVM, dan seramai 348 orang (28.3%) mencapai tahap pendidikan tertinggi sehingga HSC/ STPM/ Diploma. Manakala bilangan responden mempunyai tahap pencapaian pendidikan sehingga Sijil/ Matrikulasi ialah seramai 63 orang (5.1%), 52 orang (4.2%) responden mempunyai tahap pendidikan sehingga sekolah rendah dan ke bawah, dan seramai 51 (4.1%) responden mempunyai tahap pendidikan sehingga LCE/ SRP/ PMR/ PT3.

Bagi aspek kategori pekerjaan pula, adalah didapati bahawa majoriti responden bekerja di sektor swasta apabila bilangan mereka bersamaan 505 orang (41.1%). Selain itu, seramai 295 orang (24.0%) responden bekerja di sektor kerajaan, 193 orang (15.7%) responden bekerja sendiri, 153 orang (12.4%) responden adalah masih berstatus pelajar, dan seramai 84 orang (6.8%) responden bekerja di lain-lain sektor. Akhir sekali bagi faktor kategori pendapatan pula adalah didapati bahawa seramai 223 orang (18.1%) responden berpendapatan bulanan di antara RM1,000 dan ke-bawah, seramai 427 orang (34.7%) responden berpendapatan bulanan di antara RM1,001 hingga RM2,000, seramai 157 orang (12.8%) berpendapatan bulanan di antara RM2,001 hingga RM3,000, seramai 239 orang (19.4%) berpendapatan bulanan diantara RM3,001 dan lebih, dan selebihnya iaitu seramai 184 orang (15.0%) responden yang tidak mempunyai berpendapatan bulanan atau tidak menyatakan jumlah pendapatan bulanan mereka atau tidak mempunyai pendapatan bulanan secara tetap.

#### 4.2 Kekerapan Penggunaan ICT Sebelum dan Semasa PKP

Bagi mendapatkan jawapan tentang kekerapan penggunaan ICT dalam kalangan masyarakat di Sabah sebelum dan semasa PKP maka sejumlah 28 soalan telah dikemukakan dalam borang soal selidik yang dibangunkan.

Jadual 2: Kekerapan Penggunaan ICT Masyarakat di Sabah Sebelum dan Semasa PKP

Soalan	SEBELUM PKP								SEMASA PKP							
	Tidak pernah		Tidak kerap		Kerap		Sangat kerap		Tidak pernah		Tidak kerap		Kerap		Sangat kerap	
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
1	10	0.8%	181	14.7%	596	48.5%	443	36.0%	18	1.5%	637	51.8%	399	32.4%	176	14.3%
2	245	19.9%	526	42.8%	362	29.4%	97	7.9%	205	16.7%	317	25.8%	422	34.3%	286	23.3%
3	146	11.9%	424	34.5%	482	39.2%	178	14.5%	113	9.2%	237	19.3%	501	40.7%	379	30.8%

*Analisis Perubahan Norma Baharu Aktiviti Harian Berasaskan Penggunaan Ict Dalam Kalangan Masyarakat di Sabah, Malaysia Sebelum dan Selepas PKP*

Soalan	SEBELUM PKP								SEMASA PKP							
	Tidak pernah		Tidak kerap		Kerap		Sangat kerap		Tidak pernah		Tidak kerap		Kerap		Sangat kerap	
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
4	365	29.7%	567	46.1%	230	18.7%	68	5.5%	308	25.0%	464	37.7%	293	23.8%	165	13.4%
5	272	22.1%	388	31.5%	389	31.6%	181	14.7%	323	26.3%	490	39.8%	295	24.0%	122	9.9%
6	523	42.5%	392	31.9%	246	20.0%	69	5.6%	550	44.7%	394	32.0%	207	16.8%	79	6.4%
7	306	24.9%	336	27.3%	380	30.9%	208	16.9%	257	20.9%	244	19.8%	410	33.3%	319	25.9%
8	558	45.4%	408	33.2%	194	15.8%	70	5.7%	511	41.5%	341	27.7%	238	19.3%	140	11.4%
9	189	15.4%	298	24.2%	448	36.4%	295	24.0%	154	12.5%	229	18.6%	463	37.6%	384	31.2%
10	264	21.5%	435	35.4%	390	31.7%	141	11.5%	318	25.9%	510	41.5%	293	23.8%	109	8.9%
11	303	24.6%	577	46.9%	267	21.7%	83	6.7%	208	16.9%	367	29.8%	400	32.5%	255	20.7%
12	95	7.7%	267	21.7%	525	42.7%	343	27.9%	70	5.7%	152	12.4%	459	37.3%	549	44.6%
13	113	9.2%	256	20.8%	544	44.2%	317	25.8%	169	13.7%	655	53.3%	300	24.4%	106	8.6%
14	96	7.8%	421	34.2%	526	42.8%	187	15.2%	72	5.9%	213	17.3%	527	42.8%	418	34.0%
15	58	4.7%	208	16.9%	621	50.5%	343	27.9%	42	3.4%	117	9.5%	553	45.0%	518	42.1%
16	160	13.0%	489	39.8%	416	33.8%	165	13.4%	131	10.7%	349	28.4%	483	39.3%	267	21.7%
17	16	1.3%	98	8.0%	501	40.7%	615	50.0%	12	1.0%	53	4.3%	408	33.2%	757	61.5%
18	101	8.2%	450	36.6%	438	35.6%	241	19.6%	82	6.7%	330	26.8%	465	37.8%	353	28.7%
19	84	6.8%	396	32.2%	478	38.9%	272	22.1%	65	5.3%	306	24.9%	468	38.0%	391	31.8%
20	416	33.8%	426	34.6%	290	23.6%	98	8.0%	370	30.1%	291	23.7%	340	27.6%	229	18.6%
21	521	42.4%	460	37.4%	188	15.3%	61	5.0%	497	40.4%	401	32.6%	231	18.8%	101	8.2%
22	372	30.2%	402	32.7%	340	27.6%	116	9.4%	307	25.0%	312	25.4%	377	30.7%	234	19.0%
23	208	16.9%	372	30.2%	426	34.6%	224	18.2%	181	14.7%	285	23.2%	440	35.8%	324	26.3%
24	479	38.9%	474	38.5%	212	17.2%	65	5.3%	355	28.9%	287	23.3%	340	27.6%	248	20.2%
25	141	11.5%	430	35.0%	440	35.8%	219	17.8%	110	8.9%	296	24.1%	439	35.7%	385	31.3%
26	769	62.5%	264	21.5%	150	12.2%	47	3.8%	750	61.0%	229	18.6%	152	12.4%	99	8.0%
27	170	13.8%	524	42.6%	388	31.5%	148	12.0%	128	10.4%	372	30.2%	460	37.4%	270	22.0%
28	527	42.8%	350	28.5%	255	20.7%	98	8.0%	477	38.8%	295	24.0%	280	22.8%	178	14.5%

*Jadual 2 (bersambung)*

Berdasarkan maklumat yang dipaparkan dalam Jadual 2, adalah didapati bahawa berlaku penurunan kekerapan penggunaan wang tunai untuk urusan jual beli dalam kalangan responden apabila peratusan jawapan kerap dan sangat kerap berkaitan hal ini mengalami penurunan daripada 48.5% dan 36.0% sebelum PKP kepada 32.4% dan 14.3% semasa PKP. Selain itu, didapati turut berlaku perubahan terhadap amalan penggunaan kad debit/ kredit untuk urusan



jual beli dalam kalangan responden apabila peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan penggunaan kad debit/kredit meningkat daripada 29.4% dan 7.9% sebelum PKP kepada 34.3% dan 23.3% semasa PKP.

Perubahan amalan dalam aspek lain seperti penggunaan perbankan internet atau atas talian untuk urusan jual beli juga turut dikesan apabila peratusan jawapan kerap dan sangat kerap meningkat daripada 39.2% dan 14.5% sebelum PKP kepada 40.7% dan 30.8% semasa PKP, peningkatan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan penggunaan E-Wallet untuk urusan jual beli daripada hanya 18.7% dan 5.5% sebelum PKP kepada semasa PKP, 23.8% dan 13.4% semasa PKP, berlaku penurunan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap terhadap soalan berkaitan penggunaan wang dan akan ke pejabat berkaitan untuk membayar bil daripada 31.6% dan 14.7% sebelum PKP kepada hanya 24.0% dan 9.9% semasa PKP, berlaku penurunan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan penggunaan mesin ATM untuk membayar daripada 20.0% dan 5.6% sebelum PKP kepada 16.8% dan 6.4% semasa PKP, berlaku peningkatan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi jawapan berkaitan soalan penggunaan perbankan internet untuk membayar bil daripada 30.9% dan 16.9% sebelum PKP kepada 33.3% dan 25.9% semasa PKP, berlaku peningkatan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan penggunaan e-Wallet untuk membayar bil daripada 15.8% dan 5.7% sebelum PKP kepada 19.3% dan 11.4% selepas PKP, berlaku peningkatan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan aktiviti mengirim/memberi wang kepada keluarga menggunakan perbankan internet daripada 36.4% dan 24.0% sebelum PKP kepada 37.6% dan 31.2% semasa PKP, penurunan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan aktiviti mengirim/memberi wang kepada keluarga secara by hand atau bersemuka atau mengirimkan melalui kenalan daripada 31.7% dan 11.5% sebelum PKP kepada 23.8% dan 8.9% semasa PKP, berlaku peningkatan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan aktiviti memesan memesan menggunakan Grabfood/ Food Panda/ atau tempah secara atas talian berbanding ke kedai untuk membeli barang atau makanan daripada 21.7% dan 6.7% sebelum PKP kepada 32.5% dan 20.7% semasa PKP, berlaku peningkatan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan penggunaan telefon atau komputer untuk urusan kerja dan berhubung dengan majikan atau rakan sekerja atau daripada 42.7% dan 27.9% sebelum PKP kepada 37.3% dan 44.6% semasa PKP, berlaku penurunan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan aktiviti berbincang tentang kerja/ perniagaan secara bersemuka daripada 44.2% dan 25.8% sebelum PKP kepada 24.4% dan 8.6% semasa PKP, berlaku peningkatan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan aktiviti berbincang tentang kerja/ perniagaan menggunakan telefon atau berhubung secara atas talian daripada 42.8% dan 15.2% sebelum PKP kepada 42.8% dan 34.0% semasa PKP, berlaku peningkatan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan aktiviti mendapatkan maklumat tentang barangan atau perkhidmatan melalui internet daripada 50.4% dan 27.9% sebelum PKP kepada 45.0% dan 42.2% semasa PKP, berlaku peningkatan secara kumulatif peratusan bagi awaban kerap dan sangat kerap bagi soalan aktiviti membaca atau memuat turun bahan bacaan seperti akhbar, majalah, buku elektronik, dan lain-lain daripada 33.8% dan 13.4% sebelum PKP kepada 39.3% dan 21.7% semasa PKP, dan berlaku peningkatan peratusan secara kumulatif bagi jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan aktiviti menggunakan rangkaian sosial daripada 40.6% dan 50.1% sebelum PKP kepada 33.1% dan 61.6% semasa PKP.

Perubahan kekerapan penggunaan ICT turut dikesan apabila didapati berlaku peningkatan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan aktiviti menghantar atau menerima e-mel daripada 35.7% dan 19.6% sebelum PKP kepada 37.9% dan 28.7% semasa PKP, berlaku peningkatan secara kumulatif peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan aktiviti membuat panggilan telefon melalui internet daripada 38.8% dan 22.1% sebelum PKP kepada 38.0% dan 31.8% semasa PKP, berlaku peningkatan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan aktiviti mengakses sistem pengkomputeran pejabat untuk tujuan membuat kerja pejabat dari rumah daripada 23.6% dan 8.0% sebelum PKP kepada 27.6% dan 18.6% semasa PKP, berlaku peningkatan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan aktiviti mengemukakan pendapat atau mengundi berkenaan isu-isu politik atau sivik menggunakan internet daripada 15.3% dan 5.0% sebelum PKP kepada 18.8% dan 8.2% semasa PKP, berlaku peningkatan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan aktiviti melaksanakan tugas/ kerja/ aktiviti yang boleh menjana pendapatan secara atas talian daripada 27.7% dan 9.4% sebelum PKP kepada 30.6% dan 19.1% semasa PKP, berlaku peningkatan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan penggunaan ruang simpanan di internet untuk menyimpan dokumen, gambar, muzik, video atau lain-lain fail daripada 34.7% dan 18.2% sebelum PKP kepada 35.7% dan 26.4% semasa PKP, berlaku peningkatan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan aktiviti menjalani kursus/latihan secara atas talian daripada 17.3% dan 5.3% sebelum PKP kepada 27.7% dan 20.2% semasa PKP, berlaku peningkatan secara kumulatif peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan aktiviti membeli atau membuat pesanan barangan atau perkhidmatan melalui e-DAGANG daripada 35.8% dan 17.8% sebelum PKP kepada 35.7% dan 31.4% semasa PKP, berlaku peningkatan peratusan secara kumulatif jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan aktiviti menjual barangan atau perkhidmatan melalui e-DAGANG daripada 12.2% dan 3.8% sebelum PKP kepada 12.4% dan 8.1% semasa PKP, berlaku peningkatan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan aktiviti membeli atau membuat pesanan barang atau perkhidmatan melalui media sosial daripada 31.5% dan 12.1% sebelum PKP kepada 37.4% dan 22.0% semasa PKP, dan berlaku peningkatan peratusan jawapan kerap dan sangat kerap bagi soalan aktiviti menjual barangan atau perkhidmatan melalui media sosial daripada 20.8% dan 8.0% sebelum PKP kepada 22.8% dan 14.5% semasa PKP,

Berdasarkan dapatan yang dipaparkan maka adalah jelas bahawa secara keseluruhannya berlaku perubahan kekerapan amalan penggunaan ICT bagi tujuan urusan kewangan dan ekonomi dalam kalangan masyarakat di Sabah. Secara ringkas adalah didapati bahawa masyarakat di Sabah menjadi lebih kerap menggunakan ICT bagi urusan-urusan berkaitan kewangan dan ekonomi semasa pelaksanaan PKP berbanding sebelum pelaksanaan PKP.

### **4.3 Analisis Perubahan Kekerapan Penggunaan ICT Sebelum dan Semasa PKP**

Perubahan kekerapan penggunaan ICT dalam kalangan masyarakat di Sabah sebelum dan semasa PKP juga diuji. Bagi tujuan tersebut, analisis atau ujian *Wilcoxon signed-ranks* telah dilakukan dan dipaparkan secara ringkas dalam Jadual 3. Berdasarkan analisis yang dilakukan, adalah didapati wujud penurunan signifikan bagi amalan penggunaan wang tunai dalam kalangan penduduk di Sabah semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 19.948$ ,  $p < .05$ ). Antara faktor yang menyumbang kepada perkara ini adalah kebimbangan para penduduk terhadap kemungkinan dijangkiti virus Covid-19 dan juga hukuman yang bakal diterima

sekiranya berada diluar rumah untuk urusan berkaitan (Jones, 02 Mei 2020). Jones (02 Mei 2020) juga turut menggambarkan bahawa faktor yang sama juga turut menyumbang kepada pelbagai hal seperti peningkatan penggunaan kad debit/kredit untuk urusan jual beli secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 15.166, p < .05$ ), peningkatan penggunaan perbankan internet atau atas talian untuk urusan jual beli secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 16.238, p < .05$ ), dan peningkatan penggunaan e wallet untuk urusan jual beli secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 12.581, p < .05$ ).

Jadual 3: Analisis Perubahan Keperapan Penggunaan ICT Sebelum dan Selepas PKP Masyarakat di Sabah

Soalan	Ujian statistik	Keputusan
1	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini menurun secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 19.948, p < .05$ ).
2	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 15.166, p < .05$ ).
3	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 16.238, p < .05$ ).
4	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 12.581, p < .05$ ).
5	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini menurun secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 9.761, p < .05$ ).
6	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini menurun secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 2.476, p < .05$ ).
7	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 13.043, p < .05$ ).
8	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 11.469, p < .05$ ).
9	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 11.421, p < .05$ ).
10	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini menurun secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 9.129, p < .05$ ).
11	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 17.711, p < .05$ ).
12	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 14.703, p < .05$ ).
13	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini menurun secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 18.508, p < .05$ ).
14	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 16.406, p < .05$ ).
15	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 14.640, p < .05$ ).
16	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 13.877, p < .05$ ).

Soalan	Ujian statistik	Keputusan
17	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 11.900, p < .05$ ).
18	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 13.241, p < .05$ ).
19	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 12.532, p < .05$ ).
20	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 14.166, p < .05$ ).
21	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 9.563, p < .05$ ).
22	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 13.982, p < .05$ ).
23	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 12.393, p < .05$ ).
24	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 18.107, p < .05$ ).
25	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 14.298, p < .05$ ).
26	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 7.635, p < .05$ ).
27	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 14.676, p < .05$ ).
28	Ujian Wilcoxon signed-ranks	Kekerapan amalan ini meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 10.736, p < .05$ ).

*Jadual 3 (bersambung)*

Ujian *Wilcoxon signed-ranks* ke-atas respon para responden kajian juga menunjukkan bahawa telah berlaku perubahan dalam norma harian penduduk di Sabah apabila penggunaan wang tunai dan urusan ke pejabat berkaitan untuk membayar bil telah menurun secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 9.761, p < .05$ ), kekerapan penggunaan mesin ATM untuk membayar bil telah menurun secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 2.476, p < .05$ ), kekerapan penggunaan perbankan internet untuk membayar bil mengalami peningkatan secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 13.043, p < .05$ ), kekerapan penggunaan e-WALLET untuk membayar bil meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 11.469, p < .05$ ), kekerapan mengirim/memberi wang kepada keluarga menggunakan perbankan internet meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 11.421, p < .05$ ), kekerapan mengirim/memberi wang kepada keluarga secara by-hand atau bersemuka atau mengirim melalui kawan menurun secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 9.129, p < .05$ ), dan kekerapan memesan menggunakan Grabfood/Food Panda/atau menempah secara atas talian berbanding ke kedai untuk membeli barang atau makanan meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 17.711, p < .05$ ).

Sementara bagi kekerapan penggunaan telefon atau komputer untuk urusan kerja dan berhubung dengan majikan atau rakan sekerja secara atas talian juga turut meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 14.703, p < .05$ ). Hal ini juga menunjukkan telah berlaku perubahan ketara dalam norma harian dalam kalangan masyarakat di Sabah. Malahan perubahan norma harian ini turut berlaku apabila kekerapan aktiviti berbincang tentang kerja/perniagaan secara bersemuka menurun secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 18.508, p < .05$ ), kekerapan aktiviti berbincang tentang kerja/perniagaan menggunakan telefon atau berhubung secara atas talian meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 16.406, p < .05$ ), kekerapan aktiviti mendapatkan maklumat tentang barangan atau perkhidmatan melalui internet meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 14.640, p < .05$ ), kekerapan membaca atau memuat turun bahan bacaan seperti akhbar, majalah, buku elektronik dan lain-lain meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 13.877, p < .05$ ), kekerapan penggunaan rangkaian sosial meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 11.900, p < .05$ ), kekerapan menghantar atau menerima e-mel meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 13.241, p < .05$ ), dan kekerapan membuat panggilan telefon melalui internet meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 12.532, p < .05$ ).

Bagi menjelaskan hal ini, penelitian dibuat ke-atas pelbagai laporan atau penulisan berkaitan. Berdasarkan penelitian tersebut adalah digambarkan bahawa perubahan norma harian yang berkait rapat dengan penggunaan ICT bagi urusan kewangan dan ekonomi adalah antara lainnya disebabkan oleh sifat ICT itu sendiri yang amat membantu dalam pelbagai urusan berkaitan kewangan dan ekonomi Ketika PKP. Laporan oleh Shamsul Arrieya Ariffin (29 Mac 2020) menggambarkan keadaan ini apabila beliau menegaskan bahawa ICT perlu dimanfaatkan sepenuhnya ketika pandemik Covid-19 kerana sifatnya yang amat membantu khususnya dalam aspek urusan kewangan dan ekonomi. Pendapat seumpama ini turut disokong oleh Iivari Sharma dan Ventä-Olkkonen (2020), serta Yan Xiao dan Ziyang Fan (27 April 2020) apabila mereka berpendapat bahawa ICT amat berguna kerana ianya berupaya memudahkan sebarang urusan harian ketika pandemik Covid-19. Tambahan pula pihak berwajib iaitu kerajaan telah mula mengubah polisi daripada kebergantungan yang ketara terhadap aktiviti bersemuka kepada polisi yang amat bergantung kepada ICT. Malahan kerajaan semakin gairah menyediakan pelbagai insentif bagi penggunaan ICT dalam urusan kewangan dan ekonomi harian. Sebagaimana menurut, Anuar Shah Bali Mahomed (24 April 2021), kerajaan berikutan ketiadaan tanda-tanda awal akan berakhirnya pandemik Covid-19, teknologi mengambil tempat hingga berkembang jauh lebih pesat berbanding sebelum ini berikutan insentif yang ditawarkan oleh pelbagai pihak khususnya kerajaan. Justeru tidak menghairankan apabila ICT semakin menguasai segala aspek dalam kehidupan harian masyarakat di negara ini.

Di samping perubahan yang dinyatakan selaras dengan faktor-faktor di-atas, ujian *Wilcoxon signed-ranks* ke-atas respon para responden kajian juga menunjukkan bahawa telah berlaku perubahan dalam norma harian penduduk di Sabah apabila kekerapan mengakses system pengkomputeran pejabat untuk tujuan membuat kerja pejabat di rumah meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 14.166, p < .05$ ), kekerapan mengemukakan pendapat atau mengundi berkenaan isu-isu politik atau sivik menggunakan internet meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 9.563, p < .05$ ), kekerapan melaksanakan tugas/kerja/aktiviti yang boleh menjana pendapatan secara atas

talian meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 13.982, p < .05$ ), kekerapan menggunakan ruang simpanan di internet untuk menyimpan dokumen, gambar, muzik, video atau lain-lain fail meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 12.393, p < .05$ ), kekerapan menjalani kursus/Latihan secara atas talian meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 18.107, p < .05$ ), kekerapan membeli atau membuat pesanan barangan atau perkhidmatan melalui e-dagang meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 14.298, p < .05$ ), kekerapan menjual barangan atau perkhidmatan melalui e-dagang meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 7.635, p < .05$ ), kekerapan membeli atau membuat pesanan barangan atau perkhidmatan melalui media sosial meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 14.676, p < .05$ ), dan kekerapan menjual barangan atau perkhidmatan melalui media sosial meningkat secara signifikan semasa PKP berbanding sebelum PKP ( $Z = 10.736, p < .05$ ).

## **5. Kesimpulan**

Secara keseluruhan, analisis berdasarkan maklumat yang diperolehi menggunakan borang soal selidik mendapati bahawa pelaksanaan PKP telah mengubah norma kehidupan masyarakat di Sabah. Ini kerana secara khusus didapati bahawa wujud perbezaan ketara norma baharu dalam aktiviti harian masyarakat di negeri ini dalam konteks pengurusan kewangan dan ekonomi. Kecenderungan masyarakat di negeri ini untuk tidak menggunakan sepenuhnya ICT dalam urusan harian berkaitan kewangan dan ekonomi mereka telah berubah dengan ketara apabila mereka semakin cenderung untuk bergantung kepada ICT. Perubahan amalan harian ini dapat digambarkan sebagai kesan samada secara langsung mahupun sebaliknya daripada pelaksanaan PKP untuk membendung penularan virus Covid-19. Justeru itu, memadai sekiranya dikatakan bahawa kesan pandemik amat signifikan dalam memacu penggunaan ICT dengan lebih cepat. Di sebalik perubahan positif ini perlu juga disedari bahawa kecenderungan masyarakat di negeri ini terhadap penggunaan ICT bagi pelbagai urusan harian turut membawa bersama kesan yang tidak dijangkakan. Antara kesan tersebut ialah peningkatan aktiviti kurang sihat seperti penyebaran berita palsu, scam dan perdebatan pelbagai hal secara tidak bermoral. Sehubungan itu, diharapkan pihak-pihak berwajib dapat merangka usaha khusus bagi mengekang hal seumpama ini. Sekalipun perubahan positif dalam norma harian penduduk di negeri ini bagi aspek penggunaan ICT telah berlaku, namun usaha mengelakkan kesan negatif wajar dilakukan bagi memastikan kelestarian budaya tempatan.

## **Rujukan**

- Abdullah Ibrahim (2001). Penyelidikan kuantitatif dan kualitatif: kelebihan dan kekurangan. *Jurnal Akademik*, XII.
- Anuar Shah Bali Mahomed (24 April 2021). Insentif khas kerajaan rangsang perkembangan ekonomi digital. BH Online. Diakses dari: <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2021/04/810160/insentif-khas-kerajaan-rangsang-perkembangan-ekonomi-digital>
- Armstrong, D.A., & Lucas, J. (2020). Measuring and comparing municipal policy responses to COVID-19. *Canadian Journal of Political Science/Revue Canadienne de Science Politique*, 53, 227–238.
- Black, K. (2010). *Business Statistics: Contemporary Decision Making* (6th edition). New Jersey: John Wiley & Sons.
- Bonell, C., Michie, S., Reicher, S., West, R., Bear, L., Yardley, L., Curtis, V., Amlot, R., & Rubin, G. J. (2020). Harnessing behavioural science in public health campaigns to maintain 'social distancing' in response to the COVID-19 pandemic: Key principles. *Journal of Epidemiology & Community Health*, 74(8)

- Burns, R.B. (2000). Introduction to research. London: SAGE Publications.
- Castells, M. (2000). Toward a sociology of the network society. *Contemporary Sociology*, 29(5), 693-699.
- Chang, C.L., McAleer, M., & Wong, W K. (2020). Risk and financial management of COVID-19 in business, economics and finance. *Journal of Risk and Financial Management*, 13(5), 102.
- Day, B.H. (2020). The value of greenspace under pandemic lockdown. *Environmental and Resource Economics*, 76, 1161– 1185.
- ITU (2020). Economic Impact of Covid-19 on Digital Infrastructure. Report of an Economic Experts Roundtable organized by ITU. GSR-20 Discussion Paper. International Telecommunication Union Place des Nations, Geneva, Switzerland.
- Iivari, N., Sharma, S. & Ventä-Olkkonen, L. (2020). Digital transformation of everyday life – How COVID-19 pandemic transformed the basic education of the young generation and why information management research should care?. *International Journal of Information Management*, 55(Disember).
- Jackson, Winston. (2002). *Methods: Doing social research*, Third edition. Toronto: Prentice Hall Inc.
- Jones, K. (02 Mei 2020). These charts show how COVID-19 has changed consumer spending around the world. World Economic Forum. Diakses dari: <https://www.weforum.org/agenda/2020/05/coronavirus-covid19-consumers-shopping-goods-economics-industry>
- Kerlinger, F.N. (1973). *Foundations of behavioral research*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Kim, M., & Mason, D.P. (2020). Are you ready: Financial management, operating reserves, and the immediate impact of COVID-19 on nonprofits. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 49(6), 1191-1209.
- McLeod, S. & Dulsky, S. (12 March 2021). Resilience, reorientation, and reinvention: School leadership during the early months of the Covid-19 Pandemic. *Front. Educ.* Diakses dari: <https://www.frontiersin.org/articles/10.3389/feduc.2021.637075/full>
- McLeod, V. (16 March 2020). Covid-19: A history of coronavirus. Diakses dari: <https://www.labmanager.com/lab-health-and-safety/covid-19-a-history-of-coronavirus-22021>
- Olteanu, A., Castillo, C., Diaz, F. & Kiciman, E. (2019, July 11). Social data: Biases, methodological pitfalls, and ethical boundaries. *Big Data*. Diakses dari: <https://www.frontiersin.org/articles/10.3389/fdata.2019.00013/full>
- Pak, A., Adegboye, O.A., Adekunle, A.I., Rahman, K.M., McBryde, E.S. & Eisen, D.P. (2020). Economic consequences of the Covid-19 outbreak: The need for epidemic preparedness. *Front. Public Health*, 8(241). Diakses dari: <https://www.frontiersin.org/articles/10.3389/fpubh.2020.00241/full>
- Rahm, E. & Do, H.H. (2000). Data cleaning: Problems and current approaches. *IEEE Data Eng. Bull.*, 23, 3–13.
- Rahman, A.T.A., Ationg, R. & Zulhaimi, N.A. (2017). A paradigm shifts in understanding mixed method research: A Malaysian perspective. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 9(1), 46-56.
- Seiwald, J., & Polzer, T. (2020). Reflections on the Austrian COVID-19 budgetary emergency measures and their potential to reconfigure the public financial management system. *Journal of Public Budgeting, Accounting & Financial Management*.
- Shamsul Arrieya Ariffin (29 Mac 2020). Manfaatkan teknologi mudah alih sewaktu krisis COVID-19. *Astro Awani*. Diakses dari: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/manfaatkan-teknologi-mudah-alih-sewaktu-krisis-covid19-235798>
- Syed Arabi Idid. (1998). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*, edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Uwah, U.E., Udoayang, J.O., & Uklala, P.A. (2021). Post COVID-19 and the acceptance of financial inclusion as a new normal in financial transactions: implications for Nigerian accountants and other financial service providers. *Athens Journal of Business & Economics*.
- Wilson, C., & Jumbert, M.G. (2018). The new informatics of pandemic response: Humanitarian technology, efficiency, and the subtle retreat of national agency. *Journal of International Humanitarian Action*, 3(1), 8. Diakses dari: <https://jhumanitarianaction.springeropen.com/articles/10.1186/s41018-018-0036-8>
- Xie, B., He, D., Mercer, T., Wang, Y., Wu, D., Fleischmann, K.R., Lee, M.K. (2020). Global health crises are also information crises: A call to action. *Journal of the Association for Information Science and Technology*, 71(12), 1419-1423.
- Yan Xiao & Ziyang Fan (27 April 2020). 10 technology trends to watch in the COVID-19 pandemic. World Economic Forum. Diakses dari: <https://www.weforum.org/agenda/2020/04/10-technology-trends-coronavirus-covid19-pandemic-robotics-telehealth/>
- Zhu, H., Wei, L. & Niu, P. (2020). The novel coronavirus outbreak in Wuhan, China. *Glob. Health Res. Policy*, 5(6). Diakses dari: <https://doi.org/10.186/s41256-020-00135-6>